



PEJABAT TIMBALAN KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA
OFFICE OF DEPUTY DIRECTOR-GENERAL OF EDUCATION MALAYSIA
SEKTOR OPERASI PENDIDIKAN
EDUCATIONAL OPERATION SECTOR
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA
ARAS 4 BLOK E2, KOMPLEKS E
LEVEL 4 BLOCK E2 COMPLEX E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
FEDERAL GOVERNMENT ADMINISTRATIVE CENTRE
62804 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : +603-8884 9302
Fax : +603-8888 6680
Website : <http://www.moe.gov.my/>

KP(BPSH-SPDK)201/005/02 Jld.4 (37)
7 Januari 2013

Semua Pengarah Pelajaran
Jabatan Pelajaran Negeri

YBhg. Datuk/Tuan/Puan,

**SURAT SIARAN KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
BILANGAN 1 TAHUN 2013**

**PINDAAN TARIKH CUTI BERGANTI SEMPENA PERAYAAN TAHUN BARU CINA
TAHUN 2013**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pelajaran Malaysia telah mengeluarkan Surat Siaran Kementerian Pelajaran Malaysia Bilangan 33 Tahun 2012: Penggal Persekolahan, Cuti-Peristiwa dan Cuti Berganti Tahun 2013 Bagi Sekolah Kerajaan dan Sekolah Bantuan Kerajaan, KP(BPSH-SPDK)201/005/02 Jld. 4 (31) bertarikh 30 November 2012. Dalam surat siaran berkenaan, cadangan tarikh cuti berganti bagi perayaan Tahun Baru Cina adalah pada hari Sabtu, 26 Januari 2013 dan 27 April 2013.
3. Untuk makluman YBhg. Datuk/Tuan/Puan, pihak Kementerian telah menerima permohonan daripada pihak-pihak tertentu agar tarikh cuti berganti pada 26 Januari 2013 dipinda ke satu tarikh yang lain. Setelah mempertimbangkan permohonan tersebut, pihak Kementerian Pelajaran Malaysia telah bersetuju membuat pindaan tarikh cuti berganti bagi perayaan Tahun Baru Cina tahun 2013, daripada hari Sabtu, 26 Januari 2013 kepada hari Sabtu, 9 Mac 2013.
4. Bersama-sama ini dilampirkan cadangan tarikh cuti peristiwa dan cuti berganti bagi tahun 2013 untuk perhatian dan tindakan pihak YBhg. Datuk/Tuan/Puan. Tarikh-tarikh cuti peristiwa dan cuti berganti yang lain adalah kekal seperti dalam Lampiran C, Surat Siaran Kementerian Pelajaran Malaysia Bilangan 33 Tahun 2012: Penggal Persekolahan, Cuti Peristiwa dan Cuti Berganti Tahun 2013 Bagi Sekolah Kerajaan dan Sekolah Bantuan Kerajaan, KP(BPSH-SPDK)201/005/02 Jld. 4 (31) bertarikh 30 November 2012.

5. Kerjasama YBhg. Datuk/Tuan/Puan adalah dipohon untuk mengambil tindakan sewajarnya dan memaklumkan kandungan surat siaran ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di Jabatan Pelajaran Negeri, Pejabat Pelajaran Daerah, Pengetua dan Guru Besar sekolah-sekolah di bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Tuan/Puan.

Sekian. Terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,


HAJI SUFA'AT BIN TUMIN

Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
(Sektor Operasi Pendidikan)
Kementerian Pelajaran Malaysia

s.k.:

1. Setiausaha Sulit Kanan kepada
YAB Menteri Pelajaran Malaysia
2. Setiausaha Sulit Kanan kepada
YB Timbalan Menteri Pelajaran Malaysia I
3. Setiausaha Sulit Kanan kepada
YB Timbalan Menteri Pelajaran Malaysia II
4. Ketua Setiausaha
Kementerian Pelajaran Malaysia
5. Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
6. Timbalan-timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pelajaran Malaysia
7. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
(Pembangunan Profesionalisme Keguruan)
8. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
(Dasar dan Pembangunan Pendidikan)
9. Rektor Institut Pendidikan Guru Malaysia
Kementerian Pelajaran Malaysia

10. Ketua-ketua Bahagian
Kementerian Pelajaran Malaysia
11. Penasihat Undang-undang
Kementerian Pelajaran Malaysia
12. Pegawai Perhubungan Awam
Kementerian Pelajaran Malaysia

Lampiran

Cadangan Cuti Peristiwa Dan Cuti Berganti Tahun 2013**A. Perayaan Tahun Baru Cina (10 & 11 Februari 2013 / Ahad & Isnin)**

Kumpulan A - Negeri-negeri yang hari hujung minggunya hari Jumaat dan Sabtu.

Tarikh Cuti	Jenis Cuti	Tarikh Ganti	Tempoh Bercuti	Bilangan Hari
12 Februari 2013 (Selasa)	Cuti Peristiwa	Tidak perlu diganti	8 -16 Februari 2013	9
13 Februari 2013 (Rabu)	Cuti Berganti	9 Mac 2013		
14 Februari 2013 (Khamis)	Cuti Berganti	27 April 2013		

Kumpulan B - Negeri-negeri yang hari hujung minggunya hari Sabtu dan Ahad.

Tarikh Cuti	Jenis Cuti	Tarikh Ganti	Tempoh Bercuti	Bilangan Hari
13 Februari 2013 (Rabu)	Cuti Peristiwa	Tidak perlu diganti	9 -17 Februari 2013	9
14 Februari 2013 (Khamis)	Cuti Berganti	9 Mac 2013		
15 Februari 2013 (Jumaat)	Cuti Berganti	27 April 2013		

B. Perayaan Hari Deepavali (2 November 2013 / Sabtu)

Kumpulan A - Negeri-negeri yang hari hujung minggunya hari Jumaat dan Sabtu.

Tarikh Cuti	Jenis Cuti	Tarikh Ganti	Tempoh Bercuti	Bilangan hari
4 November 2013 (Isnin)	Cuti Peristiwa	Tidak perlu diganti	1 - 4 November 2013	4

Kumpulan B - Negeri-negeri yang hari hujung minggunya hari Sabtu dan Ahad.

Tarikh Cuti	Jenis Cuti	Tarikh Ganti	Tempoh Bercuti	Bilangan hari
1 November 2013 (Jumaat)	Cuti Peristiwa	Tidak perlu diganti	1 - 4 November 2013	4
4 November 2013 (Isnin)	Cuti Berganti	20 Julai 2013		